



## KENYATAAN MEDIA

**YB. DATUK DR. EWON EBIN  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA  
MERANGKAP  
AHLI PARLIMEN P.179 RANAU  
MENGENAI**

---

### **Maklumat Terkini Mengenai Kejadian Gempa bumi 5.9 skala Ritcher pada 5 Jun 2015 di Ranau, Sabah.**

---

Susulan kejadian gempa bumi sederhana kuat dengan kekuatan 5.9 skala Ritcher yang telah berlaku di Ranau, Sabah pada 7.15 pagi 5 Jun 2015, telah berlaku siri gempa bumi susulan yang lemah. Sehingga 2:00 petang hari ini 6 Jun 2015, sebanyak 32 gempa bumi susulan telah berlaku dengan kekuatan lemah antara 1.6 hingga 4.5 pada Skala Ritcher.

Dua gempa bumi susulan dengan kekuatan 4.3 skala Ritcher telah berlaku pada jam 9.12 malam dan pada jam 11.13 malam tadi dan satu gempa susulan dengan kekuatan 4.5 skala Ritcher telah berlaku pada jam 1:45 petang hari ini, 6 Jun 2015.

Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menubuhkan *War Room* bertempat di Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai tempat rujukan orang awam untuk mendapatkan maklumat terkini

mengenai status gempa bumi tersebut dan gempa-gempa susulan yang berlaku dengan menghubungi talian 088-413 690 @ 088-413 691.

Di samping itu orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan dari laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) <http://www.met.gov.my> atau mobile web rasmi <m.met.gov.my> atau facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau twitter <https://twitter.com/malaysiamet> atau MetMalaysia Hotline di talian **1 300 22 1MET (1638)**.

**YB DATUK DR. EWON EBIN**

**6 Jun 2015**